

DATUK DR. EWON EBIN
I DAN INOVAS MALAYSIA
NOVEMBER 2012



UniMAP Raih Anugerah Kualiti SIRIM

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berjaya muncul satu daripada lapan pemenang utama Anugerah Kualiti SIRIM (AKS) yang julung kali diperkenalkan tahun ini dengan meraih Anugerah Kualiti Organisasi bagi kategori Agensi Kerajaan. Anugerah tersebut merupakan inisiatif Sirim Malaysia Berhad (SIRIM) dalam mengiktiraf organisasi yang telah mencapai tahap pengurusan kualiti dan produk yang cemerlang serta pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang menepati tahap standard kebangsaan dan antarabangsa.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, kejayaan muncul lapan organisasi terbaik dalam anugerah berprestij seperti AKS ini merupakan pengiktirafan terbaik UniMAP apatah lagi pengukurannya dibuat berlandaskan kepada aspek kualiti. Walaupun UniMAP baru berusia 11 tahun, namun kejayaan yang diraih turut membuktikan usia bukanlah penghalang bagi sesebuah organisasi atau agensi untuk menawarkan perkhidmatan ataupun barangan yang berkualiti.



Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin. Turut hadir, Pengerusi SIRIM, Datuk Hajah Jamaliah Kamis dan Presiden & Ketua Eksekutif SIRIM, Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof.